

# UMS tempat kedua dalam Masum 2013

DE 14 Mei 2013 //

## GL Oh

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendapat tempat kedua dengan empat pingat emas, tiga perak dan lima gangsa dalam Kejohanan Sukan Universiti Malaysia yang diadakan di Universiti Malaya.

Emmy Akim memenangi anugerah atlet wanita terbaik dengan catatan pecah rekodnya dalam acara lompat pagar 400m dalam masa 1minit 08 saat serta perak dalam acara larian 400m.

Pingat emas lain disumbangkan oleh Eldy Sham dalam acara lompat pagar 400m lelaki dengan catatan rekod baru 53.85saat, Max Anzie dalam acara lembing juga dengan rekod baru 52.24 meter dan Mary Gabali dalam acara lompat kijang (4.91m).

Eldy juga memenangi dua lagi gangsa dalam acara larian 100m dan 4 X 400 meter berganti-ganti sementara



PASUKAN bola sepak UMS bersama para pegawai.

Max Anzie menyumbangkan perak dalam acara lontar peluru.

Sementara itu, UMS memulakan kempen mereka dalam Liga Bola Sepak IPT dengan kemenangan 3-0 ke atas Kolej Komuniti Tawau di UMS Stadium pada minggu lalu.

Gol pertama dijaringkan oleh A. Habbibbi Ambo pada minit ke-21 manakala Muhammad Fuad Mamat menyumbat dua gol pada minit ke-25

dan ke-34.

Skuad UMS bimbingan David Johnny @Mohd Ayman dan dibantu oleh Mohd Faizal Marjus, Jerry Suning dan Razeki Rashid juga menurunkan pemain dari Turki sebagai bek tengah dan seorang lagi pelajar dari Tanzania, Muhammad Ali.

Perlawanan mereka seterusnya menentang UiTM Sarawak di venu sama pada 17 Mei.